



University College of
Engineering & Technology
Malaysia

Hari Kualiti Q dan Majlis Pengurniaan Anugerah

Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)

2006

LG
173
.P2
H37
PPKPK
2006
rs

Disempurnakan Oleh
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA DEMANGKU RAJA PAHANG
Mahkota Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah,
DK., SSAP., SIMP., DK (Terengganu), DK (Johor), SPMJ.
Canselor KUKTEM

24 November 2006 (Jumaat)
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia

"KUALITI DAN TEKNOLOGI MENJANA KECEMERLANGAN"

www.kuktem.edu.my



PERPUSTAKAAN UMP



0000023751

Hari
Kualiti
dan
Majlis
Pengurniaan
Anugerah


Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)


2006

"KUALITI DAN TEKNOLOGI MENJANA KECEMERLANGAN"


KEBAWAHA DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG
Tengku Mahkota Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah,
DK., SSAP., SIMP., DK (Terengganu), DK (Johor), SPMJ.
Canselor KUKTEM

6/2/6/11 PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI PAHANG	
No. Perolehan 023751	No. Panggilan LG 173
Tarikh 06 JUN 2007	P2. HBT ppkpu 2006 11






KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU PUAN PAHANG
Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Al-Mutawakkil 'Alallah Sultan Iskandar,
DK., DK (Johor)., SPMJ.





Titah Perutusan Tuanku Canselor



Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, pada hari ini Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) sekali lagi dapat mengadakan Hari Kualiti dan Majlis Pengurniaan Anugerah 2006.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada penerima-penerima anugerah pada tahun ini dan semoga kejayaan yang diperoleh dapat menguatkan azam untuk terus maju di masa hadapan.


Sesungguhnya, kualiti amat dituntut oleh setiap agama dan telah menjadi tanggungjawab semua warga kerja KUKTEM untuk terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik serta berkhidmat dengan penuh dedikasi.

Sempena Hari Kualiti ini, saya menyeru semua warga KUKTEM, marilah kita bersama-sama membayangkan masa depan yang lebih cemerlang untuk KUKTEM dan warganya di samping menguatkan jati diri bagi mengharungi era globalisasi. Jika ada integriti, ketelusan dan kesungguhan, fajar peradaban baru bagi KUKTEM, Insya Allah akan menjelma. Berbaktilah kepada agama, bangsa dan negara. Berbaktilah kepada keluarga dan juga masyarakat. Berbaktilah kepada universiti dan sesama insan. Yang nyata, hanya demikian, tanpa ragu-ragu kejayaan pasti dapat dipetik.

Sebagai Canselor KUKTEM, saya dengan ini berdoa dan berharap agar aspirasi visi KUKTEM untuk menjadi universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia akan dapat direalisasikan.

Sekian dan selamat maju jaya.

**Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah,
DK., SSAP., SIMP., DK (Terengganu), DK (Johor), SPMJ.
Canselor KUKTEM**



Kata Alu-Aluan Rektor

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya panjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pemenang-pemenang sempena Hari Kualiti dan Majlis Pengurniaan Anugerah Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) yang telah berusaha gigih mencapai kecemerlangan organisasi sepanjang tahun 2005.


Saya berharap program tradisi yang kita anjurkan setiap tahun ini akan memberi manfaat yang cukup besar dalam usaha kita untuk menjadikan budaya kualiti sebagai teras dalam apa jua urusan kita seharian. Di samping itu juga, saya berharap agar program ini akan menjadi satu elemen motivasi yang boleh menjadi pemangkin kepada usaha untuk menggalakkan semua staf untuk terus dedikasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Sehingga kini, kita amat berbangga dengan kejayaan yang dicapai apabila universiti yang kita cintai ini telah dianugerahkan Persijilan MS ISO 9001:2000 bagi skop latihan luaran pada tahun ini. Banyak lagi kejayaan yang telah kita capai dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan juga khidmat nasihat. Ini semua membuktikan bahawa kita sedang berusaha menjayakan visi dan misi universiti.


Setelah kita berjaya mendapatkan Persijilan MS ISO 9001:2000, kini kita sedang berusaha menambahbaiki standard kualiti perkhidmatan kita melalui Amalan 5S. Saya yakin melalui pelaksanaan amalan tersebut, kita akan dapat mewujudkan suasana pejabat yang lebih ceria, selesa dan boleh meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kita kepada pelajar dan stakeholders. Saya berharap, langkah seterusnya selepas ini ialah kita akan sama-sama berusaha menghayati dan membudayakan kualiti yang sudahpun mula terbentuk di KUKTEM ini.

Selamat berusaha dan bermuafakat dengan ikhlas dan telus.

Sekian, terima kasih.



Profesor Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela, DIMP., SMP.
Rektor
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia



Kata Alu-Aluan Pendaftar

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum w.b.t. dan selamat sejahtera.

Puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya jua kita telah diberikan kesempatan untuk berkumpul bersama-sama untuk merealisasikan Hari Kualiti dan Majlis Pengurniaan Anugerah Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM).

Objektif utama KUKTEM menganjurkan Hari Kualiti ialah untuk mengiktiraf segala jasa dan sumbangan staf KUKTEM kepada pembangunan universiti. Di samping itu juga, majlis ini bertujuan untuk menyemai budaya kerja cemerlang berteraskan sistem kerja yang teratur dan amalan bekerja dalam satu pasukan serta memantapkan amalan kualiti dalam kerjaya dan kehidupan kita sepanjang masa dari segenap aspek. Saya percaya dan berkeyakinan penuh bahawa amalan kerja yang berkualiti pasti akan membuahkan hasil yang positif dan menguntungkan semua pihak.

Biarpun hanya sebahagian sahaja staf yang menerima anugerah, ini tidak bermakna bahawa universiti tidak mengiktiraf dan menghargai segala sumbangan idea dan tenaga staf-staf yang lain. Pihak pengurusan universiti sebenarnya sentiasa peka dan menyokong apa sahaja usaha murni dan keringat semua pihak ke arah menjadikan KUKTEM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang cemerlang di rantau ini.

Di kesempatan ini, saya berharap semua warga KUKTEM akan lebih bersemangat dalam meningkatkan citra atau imej KUKTEM bagi memastikan universiti ini dikagumi dan mendapat pengiktirafan bukan sahaja dari dalam negeri bahkan dari negara luar.

Sebagai pengakhir bicara, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada para penerima anugerah pada hari ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli-ahli jawatankuasa majlis dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Teruskanlah amalan budaya kerja yang cemerlang dan berkualiti.

Sekian. Selamat maju jaya.



Haji Sa'udi bin Haji Ahmad, SMP., PKC.

Pendaftar

Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia

Menyingkap Wajah

Latar Belakang

Hasrat Kerajaan melalui Wawasan 2020 ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian. Untuk mencapai hasrat ini, Malaysia memerlukan lebih 400,000 orang guna tenaga profesional dan separa profesional. Oleh yang demikian, bagi menampung permintaan guna tenaga tersebut sewajarnya perkembangan universiti selanjutnya disebarkan ke beberapa lokasi berlainan berteraskan bidang-bidang khusus yang telah ditetapkan. Penubuhan universiti baru juga akan dapat mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara.

Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) telah ditubuhkan dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Penubuhannya telah diwartakan pada 16 Februari 2002. Penubuhan KUKTEM lahir daripada keputusan Jemaah Menteri pada 26 Jun 2001 untuk mendirikan sebuah universiti teknikal awam yang berasaskan kemahiran di negeri Pahang Darul Makmur.

Dengan keputusan Jemaah Menteri itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melantik Rektor pertama KUKTEM pada 16 November 2001.

Tujuan utama penubuhan kolej universiti ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- Industri Kimia dan Petrokimia serta Sumber Asli
- Industri Pembuatan dan Proses

Permulaan Operasi

KUKTEM bermula dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kampus Cawangan Pahang yang telah beroperasi di Bandar Indera Mahkota, Kuantan sejak tahun 1999. Kampus tersebut telah secara rasminya dijadikan kampus sementara KUKTEM pada 1 Mei 2002. KUKTEM memulakan Sesi Akademik 2002/2003 dengan mengambil 303 pelajar pada 30 Mei 2002.

Pada peringkat permulaan, KUKTEM telah menawarkan program dalam bidang-bidang Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli dan juga Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian.

Bagi menampung jumlah bilangan pelajar yang semakin meningkat, KUKTEM telah berpindah ke kampus sementara yang lebih besar dan kondusif di Bandar MEC, Gambang pada 24 April 2003. Kampus yang terletak kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 65,000 meter persegi dan terletak di lokasi strategik yang berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur.

Pembangunan kampus tetap KUKTEM yang terletak di mukim Kuala Pahang, Pekan sedang dalam pembinaan. Kampus seluas 745 ekar itu yang boleh menampung sehingga 20,000 pelajar dan dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2008.

Konsep dan Ciri Utama

Kerajaan menubuhkan beberapa kolej universiti teknikal yang sepatutnya menawarkan program pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis.
- Berteraskan gunaan dan kemahiran (*applied and skilled*).
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali (*teaching factory*).
- Melibatkan pembelajaran secara aktif (*experiential and action learning*).
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri (*task oriented and problem solving*).
- Mengamalkan budaya kerja (*work culture*) cemerlang.

KUKTEM ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Bagi mencapai tujuan ini empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, *Soft Skills* dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran (*teaching factory*). Ini bermakna – di samping latihan industri – para pelajar didedahkan juga cara menggunakan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar (*student centered learning*).

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan (*applied research*) dan projek-projek industri (*industrial projects*) dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P). KUKTEM juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan sendiri bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, KUKTEM telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan ke peringkat antarabangsa.

Program Pengajian dan Fakulti

Pada sesi pertama, iaitu sesi 2002/2003 seramai 303 pelajar kumpulan pertama telah mendaftar. Pada masa ini, tiga program diploma dan empat program ijazah sarjana muda ditawarkan oleh tiga fakulti. Kini, pada sesi 2006/2007, KUKTEM menawarkan 18 program peringkat sarjana, 11 program doktor falsafah, 12 program ijazah sarjana muda, dan lima program diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh lima fakulti yang berikut:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA);
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP);
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM); dan
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).

Di samping lima fakulti tersebut, KUKTEM juga mempunyai tiga pusat iaitu Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pusat Pengajian Berterusan & Pengajian Profesional (CENFED), dan Pusat Pengurusan Teknologi (PPT).

Misi Korporat

Visi

Menjadi universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia.

Misi

Kami menyediakan pendidikan teknikal berkualiti tinggi melangkaui kehendak pihak berkepentingan dengan menawarkan program akademik yang cemerlang melalui persekitaran kondusif bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi.

Falsafah

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia – sebagai khalifah di bumi – untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya – yang dimiliki oleh peribadi contoh – berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

Nilai Teras

Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
Kreatif dan bijaksana dalam membuat keputusan.
Cekal dalam menghadapi cabaran.
Proaktif dalam tindakan.

Polisi Q dan Dasar Q

Polisi Q

Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkau kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultansi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan gunaan serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnis kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.


Slogan Q

Kualiti dan Teknologi Menjana Kecemerlangan.

Atur Cara



- 9:15 pagi - Staf Mengambil Tempat
- 9:30 pagi - Ketibaan Dif-Dif Jemputan
- Ketibaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Isteri
- 10:00 pagi - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tuanku Canselor KUKTEM dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang
- Lagu "Allah Selamatkan Sultan Kami"
- Nyayian Lagu "Negaraku"
- Bacaan Doa oleh Ustaz Hazmi bin Dibok
- Persembahan Ucapan Alu-Aluan Yang Hormat Rektor KUKTEM, Profesor Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela
- Titah Diraja Oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tuanku Canselor KUKTEM
- Persembahan Multimedia
- Pengurniaan Anugerah
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
 - Anugerah Pengajaran Cemerlang
 - Anugerah Projek Penyelidikan Terbaik
 - Anugerah e-Management
 - Anugerah k-Portal
 - Pertandingan Amalan 5S
 - Anugerah Poster Kualiti
- Pengurniaan Sijil Juruaudit Amalan 5S
- Majlis Penyerahan Dokumen Pelaksanaan MS ISO 9001:2000 (Pengajaran & Pembelajaran) Oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tuanku Canselor KUKTEM
- Lawatan Ke Pameran Kecemerlangan KUKTEM
- 12:00 tengah hari - Majlis Santapan/Jamuan Tengah Hari
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tuanku Canselor KUKTEM dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Berangkat Meninggalkan Majlis
- Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Isteri Meninggalkan Majlis
- Dif-Dif Jemputan Meninggalkan Majlis
- Majlis Bersurai



KUKTEM Ke Arah Persijilan MS ISO 9001:2000 (Skop Pengajaran & Pembelajaran)

Kejayaan memperoleh persijilan MS ISO 9001:2000 (Skop Latihan Luaran) yang telah diperoleh pada bulan Oktober 2005 telah menjadi perangsang pihak pengurusan untuk merealisasikan hasrat untuk mengembangkan skop persijilan kepada Skop Pengajaran & Pembelajaran. Hasrat ini telah diputuskan secara rasmi melalui Mesyuarat Majlis Kualiti (QCM) Bilangan 1 Tahun 2006 yang telah membuat keputusan untuk melaksanakan usaha-usaha ke arah persijilan MS ISO 9001:2000 (Skop Pengajaran & Pembelajaran) yang bermula secara rasmi pada bulan Disember 2006.

Keperluan persijilan MS ISO 9001:2000 (Skop Pengajaran & Pembelajaran) kini merupakan satu keperluan semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi memastikan bisnes utama IPTA iaitu pengajaran dan pembelajaran diuruskan secara sistematik dan mengikut standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Dalam hal ini adalah wajar persijilan tersebut diperoleh bagi memastikan pengurusan bisnes utama KUKTEM diberikan penanda aras yang berdasarkan piawaian dan standard yang diiktiraf di peringkat dunia. Tambahan pula, pihak KPT telah menjadikan persijilan MS ISO 9001:2000 bagi pengajaran dan pembelajaran sebagai satu usaha yang wajib untuk dilaksanakan oleh semua IPTA bagi memartabatkan budaya kerja berkualiti secara menyeluruh.

Pengalaman menjalani penilaian Jaminan Kualiti Akademik (AQA) oleh KPT dan penilaian oleh *Engineering Accreditation Council* (EAC) jelas menunjukkan bahawa persijilan MS ISO 9001:2000 (Skop Pengajaran & Pembelajaran) amat membantu dalam memastikan kelancaran proses penilaian tersebut. Persijilan tersebut akan menjadikan proses penilaian oleh pihak KPT dan EAC menjadi lebih mudah, efektif dan efisien serta juga dapat membuktikan kepada pihak penilai berkenaan mengenai pengurusan yang berkualiti dalam memastikan penawaran program yang bermutu kepada para pelajar.

Tambahan pula, kebanyakan penilai bagi AQA dan EAC adalah terdiri daripada IPTA yang telah biasa dengan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2000 (Skop Pengajaran & Pembelajaran). Malahan mereka turut memberikan pandangan kebaikan untuk KUKTEM mengamalkan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2000 bagi memudahkan proses penilaian dan pengiktirafan program pengajian.

Sesungguhnya, proses untuk memperoleh persijilan MS ISO 9001:2000 (Skop Pengajaran & Pembelajaran) memerlukan sokongan dan komitmen semua pihak. Ianya meliputi sokongan padu dan komitmen semua peringkat lapisan staf. Pengurusan tertinggi KUKTEM telah jelas memberikan sokongan padu bagi usaha persijilan tersebut dengan penganjuran program-program yang telah bermula sejak tahun 2003 lagi dengan beberapa siri bengkel/klinik yang dijalankan secara berterusan untuk membangunkan proses-proses utama.

Bagaimanapun, pihak pengurusan telah membuat keputusan pada tahun 2005 untuk memberikan keutamaan kepada persijilan MS ISO 9001:2000 untuk Skop Latihan Luaran bagi memastikan penawaran latihan kepada pihak industri dan masyarakat setempat mendapat sambutan yang baik. Persijilan MS ISO 9001:2000 (Skop Latihan Luaran) telah membolehkan penawaran latihan luaran secara berterusan kepada pihak industri dan masyarakat setempat. Pengurusan latihan luaran telah dilaksanakan mengikut standard dan piawaian kualiti peringkat anatarabangsa yang memberikan keyakinan dan kepuasan kepada para peserta untuk menjalani latihan yang dianjurkan oleh KUKTEM.

Diharapkan persijilan MS ISO 9001:2000 (Skop Pengajaran & Pembelajaran) akan turut sama dapat menjadi elemen utama dalam usaha-usaha untuk merealisasikan visi dan misi KUKTEM menjadi sebuah universiti yang terulung dan bertaraf dunia bukan sahaja di Malaysia malahan di persada antarabangsa.

Delaksanaan Amalan 5S (Persekitaran Kerja Berkualiti) di KUKTEM

Sejajar dengan keperluan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 4 Tahun 1991 'Garis Panduan Mengenai Strategi-Strategi Peningkatan Kualiti dalam Perkhidmatan Awam' maka KUKTEM telah berusaha untuk mewujudkan suasana kerja yang berkualiti bagi meningkatkan produktiviti melalui pelaksanaan program Amalan 5S (Persekitaran Kerja Berkualiti).

Program Amalan 5S telah diperkenalkan dan dipraktikkan oleh syarikat-syarikat Jepun terutamanya dalam industri perkilangan dan perkhidmatan yang telah terbukti berkesan dan berjaya mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti. Program ini menekankan kepada konsep (Satu Tempat Untuk Semua Barang, Semua Barang Berada Di Tempatnya).

Kebanyakan agensi kerajaan dan IPTA juga telah melaksanakan program ini dan telah terbukti ianya amat berkesan dalam usaha-usaha untuk mewujudkan budaya dan persekitaran kerja yang berkualiti secara menyeluruh di semua peringkat jabatan dan lapisan staf. Ianya menekankan kepada perkara berikut:

1. Sisi (Seiri)
2. Susun (Seiton)
3. Sapu (Seiso)
4. Seragam (Seiketsu)
5. Sentiasa Amal (Shitsuke)

Program Amalan 5S juga merupakan satu-satunya program kualiti dan produktiviti yang dapat menterjemahkan dan mempraktikkan amalan budaya kerja yang berkualiti kerana hasilnya yang ketara dan segera serta dapat menunjukkan perbezaan persekitaran yang nyata berbanding sebelum pelaksanaannya. Program-program kualiti yang lain tidak dapat menunjukkan perubahan persekitaran yang ketara dan segera berbanding dengan program Amalan 5S.

Usaha untuk melaksanakan program Amalan 5S di KUKTEM telah bermula secara rasmi pada bulan Mac 2006 dengan pelancaran dan perasmian Bengkel Amalan 5S (Persekitaran Kerja Berkualiti) oleh Rektor KUKTEM, Y.H. Prof. Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela pada 22 hingga 23 Mac 2006 di Dewan Majlis, KUKTEM. Pelancaran program tersebut telah turut disaksikan oleh Pengarah Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) Wilayah Pantai Timur. Bengkel tersebut telah dianjurkan oleh Unit Kualiti dengan kerjasama pihak Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) Wilayah Pantai Timur. Ianya telah dihadiri oleh semua barisan pengurusan atasan KUKTEM dan juga sebilangan staf daripada fakulti/fabatan.

Bagi memastikan Program Amalan 5S (Persekitaran Kerja Berkualiti) dijalankan secara lancar dan konsisten di semua fakulti/jabatan di KUKTEM maka Audit Amalan 5S telah mula dilaksanakan pada awal bulan September 2006.

Seramai 73 orang Juruaudit Amalan 5S telah dilantik di kalangan staf daripada semua fakulti/fabatan. Kesemua Juruaudit telah diberikan taklimat dan latihan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan kelancaran aktiviti audit Amalan 5S.



Audit Amalan 5S yang dijalankan telah berjaya mewujudkan kesedaran kepada warga KUKTEM tentang keperluan untuk melaksanakan program Amalan 5S secara konsisten dan bersungguh-sungguh.

Objektif pelaksanaan audit Amalan 5S seperti berikut:

1. Memastikan penambahbaikan pelaksanaan program Amalan 5S dapat dilakukan dengan lancar dan berkesan;
2. Memastikan pelaksanaan program Amalan 5S dinilai oleh Juruaudit daripada fakulti/jabatan yang berlainan bagi tujuan pengesanan kemajuan pelaksanaan; dan
3. Memastikan pelaksanaan program Amalan 5S dilaksanakan secara konsisten dan mengikut kaedah yang telah ditetapkan.

Majlis Kualiti juga telah memutuskan untuk diadakan Pertandingan/Anugerah Amalan 5S (Persekitaran Kerja Berkualiti) bagi memastikan budaya Amalan 5S dapat diterapkan secara menyeluruh kepada semua fakulti/jabatan dan warga KUKTEM.

Aktiviti Audit Amalan 5S yang dijalankan pada setiap minggu oleh Juruaudit Amalan 5S telah menilai dan memberikan markah berbentuk kuantitatif bagi mengukur tahap pelaksanaan Amalan 5S di semua fakulti/jabatan.

Fakulti/Jabatan yang diaudit akan diberikan status tahap pelaksanaan Amalan 5S seperti berikut:

- Kelas Pertama : Persekitaran kerja bersih, kemas dan menggambarkan Amalan 5S telah dilaksanakan secara menyeluruh.
- Kelas Kedua : Persekitaran kerja adalah sederhana dari aspek kebersihan, kekemasan dan menggambarkan Amalan 5S dilaksanakan tetapi tidak secara menyeluruh.
- Kelas Ketiga : Persekitaran kerja adalah tidak bersih, tidak kemas dan Amalan 5S perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh.

Pertandingan/Anugerah Amalan 5S juga telah dibahagikan kepada empat peringkat/zon iaitu:

1. Kompleks Pentadbiran Utama;
2. Taman Teknologi & Inovasi;
3. Kompleks Perkhidmatan Siswa; dan
4. Pejabat Pentadbiran Fakulti.

Objektif Pertandingan/Anugerah Amalan 5S adalah:

- Memberikan penghargaan kepada fakulti/jabatan yang telah melaksanakan program Amalan 5S dengan bersungguh-sungguh;
- Meningkatkan motivasi semua staf yang terlibat dalam pelaksanaan program Amalan 5S;
- Memastikan program Amalan 5S dijalankan secara konsisten dan dibuat penambahbaikan berterusan; dan
- Sebagai sokongan pengurusan KUKTEM terhadap pelaksanaan program Amalan 5S.



Persekitaran kerja di KUKTEM secara keseluruhannya adalah berada pada tahap sederhana sebelum program Amalan 5S dilaksanakan. Secara dasarnya, kebanyakan fakulti/jabatan didapati persekitaran kerjanya adalah tidak begitu bersih, teratur dan kemas. Keadaan ini tidak menyumbang kepada usaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selesa dan sejahtera sepertimana yang dihasratkan oleh Y.H. Dato' Rektor.

Pelaksanaan program Amalan 5S telah berjaya menjadikan persekitaran kerja yang kotor, kurang kemas dan tidak teratur menjadi bahan sejarah. Perubahan yang dihasilkan ekoran daripada pelaksanaan program Amalan 5S telah berjaya mewujudkan persekitaran yang berkualiti dan selesa serta sejahtera.

Program Amalan 5S telah diakui oleh majoriti staf KUKTEM berjaya mewujudkan impak dan perubahan yang besar serta ketara dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti dan selesa serta sejahtera.

Amalan bekerjasama, menjana kreativiti dan sayangkan organisasi telah berjaya dipupuk dan diterapkan secara langsung dan tidak langsung dalam pelaksanaan program Amalan 5S.

Pelaksanaan program Amalan 5S yang konsisten dan bersungguh-sungguh telah menjadikan fakulti/jabatan khasnya dan KUKTEM amnya sebagai sebuah universiti yang mempunyai persekitaran yang merangsangkan penghasilan kerja yang berkualiti dan meningkatkan produktiviti.

Pelaksanaan program Amalan 5S adalah sejajar dengan pegangan Nilai Teras KUKTEM yang pertama iaitu (Hubungan Yang Kuat Dengan Yang Maha Pencipta) di mana semua agama amat menekankan aspek kebersihan dan kekemasan dalam segala sudut aspek kehidupan meliputi aspek kerja dan kehidupan kerja seharian.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Latar Belakang Anugerah

Penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini adalah selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 tahun 2002. Ianya merupakan satu pengiktirafan kepada staf yang menunjukkan prestasi yang cemerlang pada sepanjang tahun yang dinilai.

Anugerah ini terbuka kepada staf sama ada dilantik secara tetap, sementara atau kontrak dan telah genap setahun penuh perkhidmatan pada hari terakhir tahun penilaian. Selain itu, pemilihan mestilah berdasarkan markah penilaian prestasi sekurang-kurangnya 85 peratus.

Objektif

Objektif penganugerahan adalah untuk:

- Menghargai sumbangan cemerlang yang diberikan oleh staf;
- Menjadi contoh kepada staf lain; dan
- Menanam budaya kerja cemerlang;

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



Prof. Madya Ruzaini bin Abdullah Arshah

Profesor Madya (Dekan)

Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian
0010



Aluwi bin Mohd Sikah

Juruteknik Kanan

Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta
0029



Jamiaah Noor binti Rahmad

Pembantu Tadbir P/O

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
0020



Ratna Willis Haryati binti Mustapa

Pembantu Perpustakaan

Perpustakaan
0038



Hizir bin Mohtar

Pembantu Tadbir P/O

Pejabat Rektor
0023



Arman bin A. Rahim

Pegawai Tadbir

Pejabat Rektor
0061



Zalili binti Musa

Pensyarah Universiti


Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian
0027



Mohd Azam bin Muhammad Akhir

Pensyarah Universiti

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
0065



Abd Rahman bin Ahmad
Penolong Pegawai Tadbir
Pejabar Rektor
0085



Mohd Shahrir bin Mohd Sani
Pensyarah Universiti
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
0139



Mohd Shafie bin Bakar
